

38. Berikut merupakan harta yang tidak dikira sebagai harta pusaka **kecuali**

- A. Pencen terbitan
- B. Faedah kematian
- C. Wang derma ketika kematian
- D. Wang pencen semasa hidup yang belum digunakan

39. Menurut Mazhab Syafie, aurat perempuan adalah seperti berikut

- a. Semua bahagian
- b. Muka dan tapak tangan sahaja
- c. Semua bahagian kecuali muka sahaja
- d. Semua bahagian kecuali muka dan tapak tangan

40. Pakaian yang paling baik dalam Islam adalah

- a. Pakaian mahal
- b. Pakaian Taqwa
- c. Pakaian cantik
- d. Pakaian murah tetapi berjenama

SOALAN 41 HINGGA 50 (BETUL / SALAH)

BETUL	A	SALAH	B
-------	---	-------	---

BIL	SOALAN	JAWAPAN
41	Zakat merupakan Rukun Islam yang ke 5.	
42	Zakat terbahagi kepada 2 bahagian iaitu zakat fitrah dan zakat harta.	
43	Terdapat 8 golongan yang berhak menerima zakat.	
44	Diharuskan untuk doktor lelaki merawat pesakit perempuan tanpa ada apa-apa batasan.	
45	Tidak mengapa jika tidak menutup aurat secara sempurna dengan syarat hati kita baik.	
46	Mazhab Syafie tidak mewajibkan lelaki Muslim untuk berkhatan.	
47	Pemakaian sari dan ceongsam adalah diharuskan selagi mana ia menutup aurat.	
48	Antara kaffarah bagi pasangan yang sengaja merosakkan puasanya dengan bersetubuh disiang hari pada bulan Ramadhan adalah dengan kewajipan suami dan isteri untuk berpuasa selama 2 bulan berturut-turut.	
49	Puasa merupakan Rukun Islam yang ke-3.	
50	Sebaik-baik pakaian ialah pakaian Taqwa.	

**BAHAGIAN B
(40 MARKAH)****SOALAN 1**

1. Berikan tiga(3) contoh perbuatan ihsan seorang anak muallaf terhadap ibu bapa bukan Muslim.

1 _____

2 _____

3 _____

(3 markah)

2. Nyatakan hukum menukarkan nama asal kepada nama yang baru setelah memeluk Agama Islam.

(2 markah)

3. Berikan tiga(3) nama sahabat yang mengekalkan nama bapa masing-masing walaupun bapa mereka bukan Muslim.

1 _____

2 _____

3 _____

(3 markah)

4. Apakah hikmah penambahan lafaz Abdullah kepada nama asal bagi muallaf yang baru memeluk Agama Islam sebagai contoh penambahan lafaz Abdullah bagi nama Chong Lim, menjadi Chong Abdullah Lim

1 _____

2 _____

(2 markah)

SOALAN 2

1. Apakah pengertian hadhanah menurut syarak?

_____ (1 Markah)

2. Apakah hikmah Islam meletakkan ibu sebagai insan yang lebih layak memiliki hak hadhanah?

_____ (1 Markah)

3. Fiqh Islam meletakkan tiga (3) dasar dalam menentukan hak penjagaan anak dalam Islam. Nyatakan tiga (3) dasar tersebut.

1 _____

2 _____

3 _____

(3 Markah)

4. Selvi dan Muthu telah berkahwin dan mempunyai seorang anak yang bernama Sharmala. Setahun berikutnya, Selvi memeluk agama Islam. Apakah status anaknya mengikut pandangan Islam serta perundangan?

(5 markah)

SOALAN 3

1. Apakah yang dimaksudkan Solat dari bahasa dan istilah?

(4 markah)

2. Adam Lee telah mengucapkan syahadah ketika berumur 30 tahun. Adakah Beliau wajib menggantikan kesemua solat yang ditinggalkan ketika belum Islam?

(2 markah)

3. Apakah hukum seorang muslim meninggalkan Solat dengan sengaja?

(2 markah)

4. Nyatakan cara-cara melakukan Solat bagi muallaf yang baru belajar untuk Solat.

(2 markah)

SOALAN 4

1. Apakah hukum menutup aurat bagi lelaki dan wanita Islam?

_____ (2 markah)

2. Nyatakan had aurat bagi lelaki dan perempuan ketika dalam solat mengikut pandangan Mazhab Syafie.

Lelaki : _____

Perempuan : _____ (4 markah)

3. Berikan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syariat dalam berpakaian bagi perempuan.

1 _____

2 _____

3 _____ (3 markah)

4. Apakah yang dimaksudkan dengan sebaik-sebaik pakaian dalam Islam?

_____ (1 Markah)

KERTAS SOALAN TAMAT